



PMY Newsletter



UNTUK AHLI-AHLI DAN PENGEDARAN TERHAD SAHAJA

APRIL • MEI • JUN 2004

TAHNIAH!!

Pusat Majudiri Y ingin mengucapkan tahniah kepada ahli-ahli kita atas kecemerlangan mereka dalam bidang akademik. Semoga mereka diberkati tuah dan menggunakan kemahiran dan kepintaran untuk membantu masyarakat Pekak kita.



Haw Ching Cher (*kanan*) berasal dari Kajang telah mendapat pencapaian yang cemerlang, iaitu 4A dan 1B dalam STPM. Manakala Yee Ke Xin (*kiri*) juga merupakan ahli Kelab Remaja Pekak kita telah memperolehi 6A dan 3B dalam keputusan SPM. Mereka berdua bercita-cita menjadi guru dan kini membuat persediaan untuk melanjutkan pelajaran di institusi/universiti.

Lima ahli Kelab Pekak yang telah memperolehi diploma dalam Rekabentuk Grafik dan Multimedia dari Kolej Universiti Kreatif Teknologi Limkokwing. Selain ini, Bernard telah dianugerahi "Young Achievers Award" atas kegigihan dan keunggulannya.



(*Dari kiri ke kanan*) G. Parameswaran, Tan Thiam Hor, Tan Shu Chwan, Bernard Wong Hon Bung dan Lim Hock Chun.

Japan helps deaf to learn IT skills

New Straits Times
Tuesday, March 23, 2004

*by Shamini Gopalan

The Japanese Embassy recently held a signing ceremony with the Young Men's Christian Association of Kuala Lumpur for a grant to set up a training centre for the Deaf to learn communication skills and Information Technology at its premises in Persiaran Stonor, off Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur.

Under the project, the Japanese Government will contribute RM83,400 to YMCA KL to cover part of the cost for the centre which includes buying computers and a printer to train the deaf to become computer literate.

"In 1989, the Japanese Government set up the grant assistance for grassroots projects," said Japanese

Ambassador Masaki Konishi.

"Since then, Japan has supported 80 projects under this scheme, costing some RM8.9 million."

Executive Director for YMCA KL, Albert Chong, said "Our work with the Deaf started with a simple act of committing a space and personnel resource in 1973 when a group of Deaf youth were neglected by most of society."

"Today, the Deaf regard the YMCA as an organisation where they can find support to make a difference in their lives."

According to Chong, the training will be open seven days a week and will cater for Deaf children and their parents



who want to learn computing skills.

"The centre will be equipped with 10 computers and will be run by volunteers from YMCA KL," he added.

PUSAT MAJUDIRI Y FOR THE DEAF

c/o YMCA Kuala Lumpur, 95 Jalan Padang Belia, off Jalan Tun Sambanthan, 50470 Kuala Lumpur, Malaysia.

Tel: 03-2274 1439 Fax: 03-2274 0559 SMS: 013-390 2300 URL: <http://www.ymcakl.com/pmy/>

Email: pmy@ymcakl.com (Lucy; Ketua Eksekutif-Pembangunan Komuniti); pmy_prog@ymcakl.com (Jessica, Penyelaras Program)

AHLI JAWATANKUASA KELAB PEKAK YMCA KL 2004

Pengerusi : Salina Tan
 Naib Pengerusi : Anthony Chong
 Setiausaha : Magesvary
 Bendahari : Almy Lim (*RickyKhor - letak jawatan*)

Sukan & Rekreasi : Alice Tan
 Pembangunan Kepimpinan : Bernard Wong
 Pengiklanan : Tommy Chia
 Perkhidmatan Keahlian : James Ng
 Pembangunan Wanita (BARU) : Janet Chow

FORUM TERBUKA UNTUK BELIA PEKAK

Hari : Khamis yang Kedua & Keempat
 Masa : 7.00 ~ 8.30 mlm
 Tempat : Toy Library, YMCA Kuala Lumpur

Senarai jadual bagi Forum tersebut akan diadakan seperti di bawah:-

- 08 April Sejarah BIM & Komuniti Pekak
- 22 April Implan Koklea
- 13 Mei Pekerjaan & Latihan Orang Pekak
- 27 Mei Access to Information
- 10 Jun Pendidikan Pekak (Bahagian I) - Pendidikan Awal
- 24 Jun Pendidikan Pekak (Bahagian II)
- 08 Julai Perbezaan antara Pekak & Hard-of-Hearing (HOH)
- 22 Julai *TUTUP*

Sesiapa yang berminat, sila hubungi Cik Jessica Mak untuk maklumat lanjut. Forum ini terbuka kepada semua ahli-ahli.

**KURSUS MEMPERKUASAKAN WANITA PEKAK
 DI MALAYSIA
 (EMPOWERMENT WORKSHOP FOR
 DEAF WOMEN IN MALAYSIA)**

- Objektif :
- Memupuk kesedaran tentang keadaan wanita Pekak di Malaysia.
 - Meluaskan dan menguatkan perasaan saling dipercayai dan menanamkan nilai-nilai positif wanita Pekak.
 - Memajukan status ekonomi, sosial dan pendidikan di kalangan wanita Pekak.
 - Membekalkan kemahiran kepimpinan dan hidup bebas tanpa kongkongan kepada wanita Pekak.

Program dan aktiviti termasuk:

- Seminar dan Bengkel mengenai isu isu wanita
- Aktiviti Berkumpulan
- Aktiviti Rekreasi

Zon Tengah

Tarikh : 18-20 Jun 2004 (Jumaat-Ahad)
 Tempat : *akan dimaklumkan
 Bayaran : RM30 seorang

Zon Utara

Tarikh : 21-23 Ogos 2004 (Sabtu-Isnin)
 Tempat : *akan dimaklumkan
 Bayaran : RM30 seorang

Terbuka kepada para wanita Pekak berusia 18 tahun ke atas. Terhad kepada 30 orang. Semua wanita pekak di galakkan sertai program ini. Daftarkan segera sebelum **31 Mei 2004**.



AKTIVITI SUKAN ANJURAN KELAB PEKAK

Sukan merupakan satu aktiviti yang diminati oleh kebanyakan remaja dan belia Pekak. Aktiviti sukan akan diadakan semula pada bulan April ini. Permainan bola tampar, bola keranjang, bola jaring dan bola sepak boleh diadakan jikalau ada permintaan. Aktiviti sukan akan diadakan setiap hari Ahad jam 5 petang hingga 7 malam bermula pada 4 April 2004. Sila hubungi Cik. Alice Tan, AJK Sukan dan Rekreasi untuk pendaftaran dan maklumat lanjut.

Kami perlukan anda! Kami sedang cari pemain untuk mewakili pasukan YMCA KL bagi seperti yang berikut:

**PERTANDINGAN PERSAHABATAN BADMINTON-
 PERKIM & YMCA KL
 anjuran PERKIM**

Tarikh : April/Mei 2004
 Tempat : Dewan Pekeliling Kuala Lumpur

PERKIM akan menyediakan makanan seharian termasuk sarapan dan makan tengahari secara percuma.

Tujuh (7) pemain lelaki & tujuh (7) pemain perempuan amat diperlukan bagi 3 pertandingan solo dan 2 pertandingan pasangan.

Untuk sesiapa yang berminat, sila hubungi staf PMY secepat mungkin.

**PESTA SUKAN YMCA KE-19
 anjuran YMCA Penang**

Tarikh : 3-6 Jun 2004 (4 hari 3 malam)
 Tempat : Pulau Pinang

Bayaran : RM150 ahli
 (termasuk penginapan, makanan, insurans dsb)

Acara sukan yang terdapat:

- Damak
- Karrom
- Bola Tampar
- Bowling
- Scrabble
- Badminton
- Bola Sepak



KELAB SAHABAT ORANG PEKAK (FRIENDS OF THE DEAF CLUB (FOD))


FOD Sessions: First Thursday of the month
6.45 ~ 8.00 pm

FOD/PSG workshops: Sundays (once a month)
3.00 ~ 5.00 pm

Venue: YMCA Kuala Lumpur

The following sessions will be carried out. Do join us to improve your signing skills!

- 01 April Aktiviti: "Mime, Win or Lose"
06 Mei Aktiviti: "Imagination & Sign Language"
03 Jun Sesi: "Understanding the Difference of Sign Language of Different Countries"
01 Julai Aktiviti: "Guess Who?"



FOD Outreach Reading Programme with Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas Selangor, Shah Alam
Time: 10 am-12 noon

As part of our contribution towards the Deaf Community, this project will see sign language students helping Deaf children from this school to enhance their English Language and communication skills. Below are the dates and themes for each of the sessions.

- 10 April Family/Friends/Community
24 April Numbers/Colours
08 Mei Personal Hygiene
22 Mei Household
19 Jun Cultural Camp - Festival/Religious/Clothings

All FOD members who would like to volunteer their time please contact PMY. This is an excellent opportunity for you to practise your skills as well!

PROGRAM SOKONG PENDIDIKAN

Pusat Majudiri Y telah menyediakan Program Sokong Pendidikan PMY (ESP) untuk kanak-kanak Pekak. Kini Program Pendidikan untuk Belia Pekak telah dimulakan dari bulan Mac ini.

Program Iubapa dan Anak (PIP)

Untuk kanak-kanak Pekak yang berumur 6 bulan ~ 3 tahun.
Yuran: RM20 per sesi (di pusat)
Sesi: Satu jam dalam seminggu
Cara: Satu dengan Satu

Program Perkembangan Kanak-kanak Pekak (DCD)

Untuk kanak-kanak Pekak pada peringkat sekolah rendah.
Yuran: RM60 setiap bulan
Kelas: Dua jam, dua kali seminggu
Sekurang-kurangnya 5 orang dalam satu kelas.

Program Perkembangan Remaja Pekak (DTP)

Untuk remaja Pekak pada peringkat sekolah menengah.

1) **Kelas BM & Matematik**

Setiap hari Jumaat (mulai 2 April 2004)
Tingkatan 1-3
Masa: 2.30-5.30 petang
Yuran: RM40 setiap bulan

2) **Kelas "Walk-In- Tutoring"**

Setiap hari Sabtu (mulai 3 April 2004)
Tingkatan 1-5
Masa: 9.00-12.00 tengahari
Yuran: RM20 setiap bulan
Remaja boleh meminta bantuan dalam kerja kerja sekolah mereka.

3) **Kelas Bahasa Inggeris**

Setiap hari Ahad (mulai 4 April 2004)
Tingkatan 1-6
Masa: 2.00-4.00 petang
Yuran: RM40 setiap bulan



Program Pra-Sekolah (PSP)

Untuk kanak-kanak Pekak yang berumur 4 hingga 6 tahun.
Yuran: RM60 setiap bulan
Kelas: Hari Isnin-Jumaat, 9.30pagi-12.00tengahari
Minum pagi dan bahan tulisan disediakan

Program Membaca dan Menulis (RWP)

Untuk kanak-kanak dan remaja Pekak yang ingin menguasai kemahiran membaca dan menulis.
Yuran: RM50 setiap 6 sesi
Sesi: Satu jam setiap sesi

Program Pendidikan Untuk Belia Pekak (DAEP)

Untuk belia atau pelajar kolej/universiti Pekak yang ingin menambahkan kemahiran membaca dan menulis.

1) **Kursus Bahasa Inggeris (Membaca & Menulis)**

Tarikh mula: **1 Jun 2004**
Yuran: RM80 bagi 10 sesi
Sesi: 7.30-9.00 malam; setiap hari Selasa
Sekurang-kurangnya 6 orang dalam satu kelas.

2) **Kursus Bahasa Cina Asas (Membaca & Menulis)**

Tarikh mula: **23 April 2004**
Yuran: RM80 bagi 10 sesi
Sesi: 7.00-9.00 malam; setiap hari Jumaat
Sekurang-kurangnya 6 orang dalam satu kelas.

- Daftarkan sekarang sebelum terlewat! -

3) **Kursus Bahasa Inggeris (Menulis)**

Tarikh mula: ***akan dimaklumkan**
Yuran: RM100 bagi 10 sesi
Sesi: 7.00-9.00 malam; setiap hari Jumaat
Sekurang-kurangnya 6 orang dalam satu kelas.

Sesiapa yang ingin turut serta dalam mana-mana program yang disenaraikan di atas ini, sila berdaftar awal supaya dapat elakkan sebarang kekecewaan.

**KELAS BAHASA ISYARAT
UNTUK IBUBAPA KEPADA ANAK PEKAK**

Mulai : 7 April 2004
Setiap hari Rabu, 10.30~11.30 pagi
RM20 seorang setiap bulan

**MAJLIS PERAYAAN HARI IBU
Mothers Day Celebration**

Marilah meraikan perayaan Hari Ibu bersama para ibu kita. Terdapat pelbagai aktiviti yang menarik untuk seluruh keluarga

Tarikh : 16 Mei 2004 (Ahad)
Masa : 3.30~6.00 petang
Tempat : Pearl International Hotel, Jalan Klang Lama
Bayaran: RM25 Dewasa/RM20 Remaja/RM15 Kanak-kanak bawah 12 tahun (Ahli PSG/FOD/DC/DTC)
RM38 Dewasa/RM28 Remaja/RM20 Kanak-kanak bawah 12 tahun (bukan Ahli)

Terbuka kepada ahli DC/DTC/FOD/PSG. Digalakkan bawa keluarga. Tiket boleh didapati di PMY.

Tarikh tutup : **24 April 2004**

**Parents Support Group - KEM KELUARGA
(PSG FAMILY CAMP) 2004**

Open to all families of the Deaf, FOD's and DC

Tarikh : 12-13 Jun 2004 (Sabtu-Ahad)
Tempat : Cermas Agro Park & Training Village, Pahang
Yuran : RM80 Dewasa/RM60 Remaja
RM40 Kanak-kanak bawah 12 tahun
(termasuk penginapan, makanan, insurans, pengangkutan dan aktiviti)

Kem ini bertujuan memberi peluang kepada para ibu-bapa untuk berkongsi pengalaman, bekerjasama, membantu satu sama lain dalam membesarkan anak-anak Pekak. Di samping itu, semua ahli keluarga juga mengambil kesempatan untuk sama-sama bercuti dan menikmati keindahan alam semulajadi.

Aktiviti-aktiviti termasuk:-

- Perbincangan Iububapa
- Flying Fox
- Menjelajah ke Air Terjun Chamang
- Telematch dan sebagainya...

Datang mendaftar di Pusat Majudiri Y sebelum **10 Mei 2004**.

**YMCA INTERNATIONAL HH CAMP TAIPEI
31 July- 6 August 2004**

Open to all Deaf Youths (16-24 years old)

Participating countries include: Japan, Korea, Hong Kong, Singapore, Malaysia, Thailand and many other countries
Programme include:

- Cultural exchange programme
- Visitation to places of interest
- Camp activities, group work

Subsidy will be provided to campers. Hurry! get the application form from PMY. Closing date: **15 April 2004**

**MALAYSIAN COALITION FOR THE PREVENTION
OF CHILD SEXUAL ABUSE**

As the only Deaf Organisation in this Coalition, the PMY will be organizing the following for all members.

SEXUAL EDUCATION CAMP FOR DEAF TEENAGERS

The aim of this camp is to educate Deaf Teenagers about sexual education, awareness and responsibility.

Basic level

Month : September 2004
For whom : Deaf Teenagers aged 13~16 years old
Fee : RM30 per person

Intermediate level

Month : December 2004
For whom : Deaf Teenagers who have completed the Basic level
Fee : RM30 per person

Registration forms are available from PMY. For more information, please contact PMY.

Parenting Talk

**PREVENTION OF CHILD SEXUAL ABUSE:
YOU HAVE GOT A ROLE TO PLAY**

Date : 17 April 2004, Saturday
Time : 2.00pm~5.30pm
Venue : YMCA Conference Room

FREE ADMISSION!

The aim of this workshop is to create awareness about Child Sexual Abuse among Parents/Guardians/Caregivers and Educators.

Limit to sixty (60) PSG/FOD/DC members only. Kindly register with PMY.

**Child Sexual Abuse Awareness Week 2004
"TEENS TAKE CHARGE"**

May 29th~June 1st, 2004
10.00am~8.00pm

Venue: **yet to confirm (shopping complex)*

The Malaysian Coalition for the Prevention of Child Sexual Abuse is proud to present **CSAAW 2004**. CSAAW 2004 will be organised by the Young Achievers' Club and Pusat Majudiri Y this year. The objectives is to create awareness on Child Sexual Abuse, empower the community to get involved.

Among the programmes are treasure hunt, exhibitions, performances, awareness talks and other interesting programmes.

All parents, Deaf youths/teens are invited.

PROGRAM-PROGRAM YANG AKAN DATANG

KELAB REMAJA PEKAK

Kelab Remaja Pekak mengadakan bengkel pada setiap Sabtu yang kedua, dari 9.00 pagi hingga 12.00 tengahari. Ia memberi informasi kepada ahli-ahli remaja kita supaya menimba pengetahuan dan menerokai sesuatu yang tidak pernah dengar atau tengok.

10 April 2004 - Perayaan di Malaysia

Pelbagai perayaan seringkali disambut dengan meriah oleh berbagai-bagai kaum di Malaysia setiap tahun. Perayaan mempunyai keunikan dan kebudayaan tersendiri bagi menunjukkan bangsa kita yang berlainan dengan bangsa lain. Apa yang anda tahu tentang perayaan di Malaysia? Marilah kita menerokai dan mengetahui tentang perayaan di Malaysia.

8 Mei 2004 - Pengenalan Pertolongan Cemas

Pertolongan cemas merupakan sebuah pengetahuan yang asas. Ia ada kegunaan untuk diri sendiri dan orang penting anda agar dapat meringankan kesulitan yang dialami. Untuk membantu lebih ramai orang, anda perlu belajar tentang pertolongan cemas dan kemahiran. Marilah belajar bersama-sama.

KEM BELIA/REMAJA ISTIMEWA

"Special Youth Camp"

(Masalah Pembelajaran, Epileptik, Downs Sindrom & Pekak)

Tarikh : 24-26 Ogos 2004 (Selasa-Khamis)

Tempat : Tekam Plantation Resort, Pahang

Yuran : RM50 seorang

Tahun ini Pusat Majudiri Y dan Young Achievers' Club (YAC) bekerjasama menganjurkan kem ini. Kem ini bertujuan memberi peluang yang amat unik kepada belia-belia yang berkeperluan khas itu untuk berkongsi, bekerjasama, membantu satu sama lain membentuk dan memupuk perasaan bangga diri, keyakinan diri, azam diri dan berdikari.

Pelbagai program dirancangkan untuk mencapai tujuan-tujuan tersebut - permainan kemahiran interaktif, kegiatan berkumpulan, kursus halangan, kegiatan air dan sebagainya.

Tarikh tutup untuk berdaftar: **15 Jun 2004**

BERITA-BERITA YANG LALU...

Bengkel Kelab Remaja Pekak "HIV/AIDS & Remaja"



Bengkel HIV/AIDS & Remaja telah diadakan pada 14 Februari ini yang telah dihadiri oleh 14 orang ahli. Encik Chua Jia Yunn dari Malaysian AIDS Council dijemput untuk menyampaikan ceramah. Beliau menyampaikan ceramah berjudul "Apakah itu HIV?", "Bagaimana boleh mendapatkan HIV?", "Cara untuk mengelakkan daripada HIV?", dan "Apakah itu AIDS?". Ceramah tersebut yang disampaikan oleh Encik Chua itu membuatkan kami berasa ingin tahu dan bertanya banyak soalan dan tidak berasa bosan. Selain daripada ceramah tersebut, kami berpeluang turut serta dalam aktiviti permainan. Tujuan permainan ini adalah untuk menerangkan bahawa penyakit HIV mampu mempengaruhi orang ramai dalam masa tempoh pendek. Dengan itu kami dapat memahami lebih dalam dan berasa seronok. Encik Chua juga menasihatkan kami supaya menjaga diri daripada melakukan sesuatu kesalahan. "Biar menyesal pun tidak guna". Bengkel ini telah memberi ilmu tambahan yang tidak didapati di sekolah.

Dipetik dari laporan Esther Wong

Kem Kepimpinan Kelab Remaja Pekak

Kem kepimpinan anjuran Kelab Remaja Pekak tersebut telah diadakan pada 17 hingga 19hb Mac 2004 di Nur Lembah Pangsun Eco-Resort, Hulu Langat, Selangor. Pada hari pertama, para peserta dan saya berkumpul di Toy Library untuk mendaftarkan diri. Saya berkenalan dengan beberapa kawan baru. Kumpulan saya terdiri daripada 5 orang termasuk saya. Kami menamakan kumpulan kami, Dolphin kerana warna kesukaan ialah biru.

Selama 3 hari berada di kem, beberapa sesi berjudul 'Apakah itu Kepimpinan?', 'Membuat Keputusan', 'Dunia Pekak', 'Keyakinan Diri', 'Menghargai Kehidupan' dan 'Mendisiplinkan Diri' telah diadakan. Saya suka akan aktiviti petang terutamanya 'Flying Fox', ia bagai aksi Superman sedang terbang. Ia amat menyeronokkan juga. Pada malam yang kedua, kami semua membuat unggun api bagi Malam Bakat. Kami semua menari sambil mengelilingi unggun api yang besar. Kumpulan kami masing-masing menunjukkan persembahan tarian dan drama. Malam bakat tersebut sangat menarik.

Kami tidak melepaskan peluang ini untuk pergi bermain di air terjun yang cantik. Kami berasa sangat seronok walaupun kami penat. Saya ingin menyertai kem lagi pada masa kelak.

Dipetik dari laporan Farhan



LAWATAN SAMBIL BELAJAR KE SINGAPURA

Pada minggu kedua bulan Mac, Samuel, Bernard, Dino, Koon Wei, Jessica dan saya telah pergi ke Singapura untuk tujuan menghadiri persidangan YMCA Asia dan Pasifik. Kami berenam telah mengambil kesempatan untuk melawat sambil belajar ke beberapa buah pertubuhan orang pekak di Singapura. Kami ingin melawat *Singapore School for the Deaf (SSD)*, *Canossian School for the Hearing Impaired* dan *Hi! Theatre, Singapore Theatre of the Deaf*. Kami benar-benar menyesal tidak dapat melawat ketiga-tiga tempat tersebut. Di *Canossian School for the Hearing Impaired*, para pelajarnya tidak menggunakan sebarang bahasa isyarat dan belajar secara pertuturan. *Singapore School for the Deaf* merupakan satu-satunya sekolah untuk kanak-kanak Pekak di Singapura manakala *Hi! Theatre* pula terkenal dengan ramai orang Singapura Pekak yang berbakat dalam lakonan.

Destinasi pertama yang kami tuju ialah *Ngee Ann Polytechnic* yang terletak di Clementi Road. Politeknik tersebut mula dibuka kepada orang Pekak yang ingin melanjutkan pengajian sejak tahun 1981. Kini 15 orang pelajar Pekak sedang



Singapore Association for the Deaf

menuntut di sana. Yang paling menarik ialah salah seorang dari pelajar bukan Pekak telah menubuhkan sebuah kelab dikenali *Hi! Club* bertujuan

mengeratkan persahabatan dengan pelajar Pekak sambil belajar kebudayaan orang Pekak. Setelah melawat di sekitar politeknik, kami bertolak ke *The Singapore Association for the Deaf* atau lebih dikenali sebagai SADeaf. SADeaf telah ditubuhkan lebih 50 tahun yang lalu. Persatuan ini memberi perkhidmatan kepada orang Pekak seperti pemeriksaan pendengaran, latihan komputer, kelas-kelas bahasa isyarat dan sebagainya. Yang paling menakjubkan tentang persatuan ini ialah perpustakaan kecil yang mempunyai banyak buku berkaitan kepekakan dan bilik rehat sukarelawan. Selain itu, terdapatnya juga pusat IT, bilik permainan damak, bilik audiologi, bilik kaunseling dan beberapa buah bilik kelas. Tekalah apa yang kami telah lakukan selepas ini? Air

yang nyaman dan sejuk dapat kami minum akibat terlalu dahaga memandangkan cuaca pada masa itu terlalu panas!

Tanpa disangka-sangkakan, *Vocational School for the Handicapped* yang ditubuhkan pada tahun 1975 yang kami ingin tuju cuma terletak di sebelah SADeaf! Kami berasa terpegun dengan perkhidmatan yang ditawarkan oleh sekolah ini. Yang kami telah pelajari ialah latihan kemahiran dan praktikal yang diberi kepada pelajar-pelajar cacat. Sekolah tersebut mempunyai kursus seperti pentadbiran hotel, maklumat teknologi, katering dan lain-lain mengikut perkembangan ekonomi yang terkini di Singapura. Sebelum masuk ke alam pekerjaan, mereka perlu dilatih dengan beberapa kemahiran dan perlu melalui ujian iaitu 'bekerja' di tempat di mana persekitarannya adalah sama rekabentuk dengan tempat bekerja yang sebenar di salah sebuah bilik dalam sekolah tersebut. Kami telah berkesempatan untuk melawat bilik hotel yang palsu, restoran palsu yang dipenuhi dengan meja dan kerusi di dalam sekolah itu. Alangkah menariknya! Saya berasa sangat kesal bahawa anda tidak dapat menyaksikannya pada masa itu.

Pada hari berikutnya, kami telah melawat ke *TOUCH Community Silent Club* yang terletak di barat Singapura. Kami banyak belajar tentang kelab ini dan pentadbirannya. Kelab ini telah mengejutkan kami dengan jumlah ahlinya adalah lebih daripada 200 orang. Kelab ini membantu orang Pekak yang bermasalah dan memberi sokongan positif kepada mereka. Selain daripada ini, kami juga diperkenalkan kepada sekumpulan ahli-ahli kelab ini



Deaf and Hard-of-Hearing Federation Singapore (DHFS)

sedang berlatih bermain bola sepak di luar. Setelah itu, kami tidak melepaskan peluang untuk melawat *Deaf and Hard-of-Hearing Federation Singapore (DHFS)* yang baru ditubuhkan lima tahun lalu. Mujurnya Jessica dan Koon Wei mempunyai beberapa orang kawan yang juga ahli jawatankuasa DHFS, kami berpeluang untuk melawat DHFS dan bertemu beberapa orang ahlinya. Pengerusi DHFS, Judy Ho menerangkan tentang pentadbiran dan aktiviti-aktiviti persekutuan ini. DHFS telah mencapai satu kejayaan dengan idea untuk mencipta *TMDchat* dengan kerjasama NUS (*National University of Singapore*) baru-baru ini. Kami kagum dengan kegigihan persekutuan dan ahli-ahli ini. Kami turut berkongsi pengalaman masing-masing.

Melalui pengalaman ini, kami telah menerima pelbagai pengajaran dan pengetahuan lebih banyak tentang fungsi dan aktiviti mereka masing-masing. Sungguhpun, beberapa buah pertubuhan baru sahaja ditubuhkan beberapa tahun lalu tetapi telah memberi hasil yang memuaskan. Hal ini telah memberi kesedaran dan inspirasi kepada kami semua untuk membaiki kelemahan yang ada di Kelab Pekak tetapi belum pasti berjaya. Tanpa sokongan para orang Pekak, kami tidak dapat melakukan apa-apa pembaharuan untuk komuniti orang Pekak. Sokonglah dan sentiasa hulurkan bantuan kepada kami.

Ditulis oleh Anthony Chong
Foto oleh Bernard Wong



MAJUDIRI Y FOUNDATION FOR THE DEAF
YAYASAN MAJUDIRI Y

COMMUNITY SIGN LANGUAGE COURSES FOR WORKING ADULTS

The course provides you with an insight on Deaf People and their culture. We also carry-out in house training for groups/companies who are keen to take up these courses in their premises.

The courses offered are:

Combined Courses:

* **Visual Gesture Communication (VGC) and Basic;** Fee RM250 includes text book for 15 sessions; 1½ hours per session; twice a week; 10-15 students.

Date of commencement:	1) 12 April 2004, 24 May 2004 Every Monday & Wednesday 7.00pm-8.30pm	2) 20 April 2004, 1 June 2004 Every Tuesday & Thursday 7.00pm-8.30pm
	3) 24 April 2004 Every Saturday, 3.00pm-4.30pm	4) 9 May 2004 Every Sunday, 11.00am-12.30pm

Sign Language Courses:

* **Level 1;** Fee RM200 for 15 sessions; 2 hours per session; once a week; 10-15 students

Date of commencement: **10 May 2004** (Every Monday); 7.00pm-9.00pm

* **Level 2;** Fee RM220 for 15 sessions; 2 hours per session; once a week; 10-15 students

Date of commencement: **8 April 2004** (Every Thursday); 7.00pm-9.00pm

* **Level 3;** Fee RM250 for 15 sessions; 2 hours per session; once a week; 10-15 students

Date of commencement: **5 April 2004** (Every Monday); 7.00pm-9.00pm

**MAJUDIRI Y FOUNDATION FOR THE DEAF-
BASIC COURSE ON WORK WITH THE DEAF**

**This course is funded by the Majlis Kebajikan Kanak Kanak
Malaysia (MKKM)**

Dates : 26-28 April 2004 (Monday-Wednesday)

Time : 8.30am-5pm daily

Course content include:

1. Deaf awareness - Causes & Detection of Hearing Loss
2. Hearing Test and Devices used by the Deaf Community
3. Communication Modes
4. Parents' Role & Responsibility
5. Support Services for the Deaf - Education, Health, Employment and Welfare Services
6. Activities to Enhance Learning and Communication with your Deaf Child
7. Deaf Culture/Deaf Community
8. Stress Management
9. Deaf/Hearing Partnerships

This course is targeted to NGO's working with the Deaf, Educators, Sign Language Interpreters and Parents of the Deaf. At the end of the course, participants will be given a certificate and Book - **Guide to Parenting - Deaf**.

BIM ANALYSIS CLASS FOR DEAF ADULTS

1. To appreciate BIM as a true language for the Deaf.
2. To study and understand BIM's structure & grammar formally.

Commence Date : May 2004

Fee : RM150 for members (exclude materials, etc)

Duration : 20 sessions; 2 hours per session;

Time : 7.00pm ~ 9.00pm (once a week)

Limit to 20 Deaf persons. Closing date: 15 April 2004.

BENGKEL BAHASA ISYARAT MALAYSIA (BIM)

Bengkel ini diadakan khas untuk semua ahli-ahli Kelab Pekak/Kelab Remaja Pekak/Kelab Sahabat Pekak (ahli FOD mestilah tahu berbahasa isyarat) untuk mengetahui dengan lebih mendalam mengenai Bahasa Isyarat Malaysia. Sesi ini amat berfaedah dan akan memperluaskan kefahaman anda mengenai Bahasa Isyarat Malaysia.

Tarikh : 25 April 2004 (Ahad)

Masa : 9.00 pagi ~ 4.00 petang

Tempat : Toy Library

Bayaran : RM10.00 (Ahli)
RM30.00 (Bukan ahli)

Pendaftaran terhad kepada 30 orang sahaja. Tarikh tutup pendaftaran: **15 April 2004**.

**SIGN LANGUAGE COURSE FOR CHILDREN
(8- 12 years old)**

This class is specially designed for children who wants to learn Sign language to communicate with their hands! Don't miss this opportunity. Various interactive activities will be included in this programme

Date of Commencement : 15 May 2004

Duration: 5 sessions , Every Saturday

Time: 10 am- 12 noon

Fees: RM50 (members)RM80 (others)

Limit to 15 Children only. Hurry! Book a place today!

For more information, please contact Ms. Ho. Koon Wei/
Ms. Morley Ng at tel no **03-2274 1439** ext. 109 or fax
no **03-2274 0559** or email **majudiri@ymcaki.com**.

TOY LIBRARY for CHILDREN with SPECIAL NEEDS

We are pleased to inform you that the Toy Library is back in operation. The newly renovated premises provide a very conducive environment for children to participate in its various programmes & activities. Various exciting programmes will be carried out. Be a Toy Library member today!

Enquiries please contact Ms. Deep at tel 03-2274 1439 or email child@ymcakl.com.

TAWARAN PEKERJAAN untuk BELIA PEKAK

Daftarlah dengan PMY untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai pekerjaan yang ditawarkan kepada belia Pekak. Lain-lain perkhidmatan yang berkaitan dengan pekerjaan:

- Perkhidmatan Jurubahasa Isyarat untuk temujanji.
- Cara menulis "resume".
- Petua untuk temuramah.
- Perkhidmatan kaunseling.

NOTIS

- 1) Seminar Pekerjaan bagi Belia-belie Pekak (3-4 April 2004) ditangguhkan ke bulan Oktober 2004.
- 2) Kem Remaja/Belia Istimewa (29-31 Mei 2004) ditangguhkan ke 24-26 Ogos 2004. (Sila lihat mukasurat 2 untuk maklumat lanjut.)
- 3) Lawatan ke Nepal untuk Ahli-ahli Pekak (6-16 November 2004) terpaksa dibatalkan dan digantikan ke Lawatan Ke Adelaide, Australia bulan September 2004.

DARI JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT M'SIA

<http://www.jkm.gov.my/mel/perkhidmatanoku.htm>

BERITA BAIK!

- 1) Keretapi Tanah Melayu Komuter (KTM Komuter) memberi tambang konsesi 50% bagi semua perjalanan kepada orang kurang upaya mulai dari 1 Disember 2003.
- 2) Elaun Pekerja Kurang Upaya (EPKU) - Orang kurang upaya yang bekerja dan berpendapatan kurang daripada RM750.00 sebulan bagi individu digalakkan memohon EPKU untuk mendapatkan elaun. (mulai Januari 2004)

Sudahkah anda mendaftarkan diri untuk mendapatkan Kad Diri Orang Kurang Upaya? Pendaftaran orang kurang upaya (OKU) dilaksanakan di mana-mana Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri dan Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah. Kad ini memudahkan pengenalan supaya OKU mendapat perkhidmatan yang cepat/lebih baik dan akses kepada kemudahan-kemudahan awam.

Our sincere apologies for the lateness of producing this newsletter. Any inconvenience is regretted.

Mohon maaf atas kelambatan penerbitan dan pengedaran PMY Newsletter kali ini. Sebarang kesulitan yang dihadapi adalah dikesali.



Pusat Majudiri Y for the Deaf
95 Jln Padang Belia, off Jln Tun Sambanthan, 50470 Kuala Lumpur.
Tel: 03-2274 1439 Fax: 03-2274 0559 SMS: 013-390 2300
Email: pmy_prog@ymcakl.com URL: www.ymcakl.com/pmy

